



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
2015**

SENIBINA

KOD : PJS01

SUBJEK : TULISAN SPESIFIKASI

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2015

MASA : 9.00 PG - 12.00 TGH

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJS01 – TULISAN SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Terdapat pelbagai jenis kayu yang sering digunakan dalam pembinaan di Malaysia. Nyatakan **dua (2)** jenis kayu untuk setiap kategori berikut:

- i) Semulajadi tahan lama
- ii) Perlu dirawat

(4 markah)

- b) Merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR bagi kerja-kerja kayu, tuliskan **dua (2)** jenis kayu serta jangka hayat bagi setiap kumpulan berikut:

- i) Kumpulan A
- ii) Kumpulan B
- iii) Kumpulan C
- iv) Kumpulan D

(12 markah)

- c) Nyatakan kumpulan kayu berdasarkan kegunaan seperti berikut:

- i) Tiang dan rasuk
- ii) Pintu dan tingkap
- iii) Panel hiasan, papan lapis
- iv) Jambatan, landasan

(4 markah)

SOALAN 2

a) Merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR bagi kerja-kerja kaca, tuliskan **dua (2)** kegunaan bagi setiap jenis kaca berikut:

- i) Kaca tempa
- ii) Kaca blok
- iii) Kaca lamina
- iv) Kaca keping jernih

(8 markah)

b) Terangkan kaedah pemasangan kaca merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR bagi perkara berikut:

- i) Tingkap kayu
- ii) Tingkap logam

(12 markah)

SOALAN 3

a) Nyatakan **tiga (3)** jenis kemasan cat yang bersesuaian digunakan untuk bahan berikut:

- i) Keluli
- ii) Kayu
- iii) Lepaan Simen

(9 markah)

b) Merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR, terangkan langkah-langkah mengaplikasi cat untuk permukaan berikut:

- i) Dinding batu bata baru

(5 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- ii) Dinding batu-bata lama

(6 markah)

SOALAN 4

- a) Tuliskan spesifikasi untuk perkara yang dinyatakan di bawah merujuk kepada Spesifikasi Piawai JKR.

- i) Ruang meter
ii) Injap penahan
iii) Pemeriksaan, ujian dan kelulusan paip bekalan air

(12 markah)

- b) Nyatakan jenis kepingan siling *gypsum* berdasarkan ruang dinyatakan seperti berikut:

- i) Ruang tamu, bilik tidur
ii) Tandas, dapur
iii) Makmal
iv) Auditorium

(8 markah)

SOALAN 5

- a) Nyatakan **tiga (3)** jenis bata yang terdapat di pasaran dan sering digunakan untuk pembinaan tempatan dan terangkan secara ringkas setiap jenis bata tersebut.

(12 markah)

SOALAN 5 (sambungan)

- b) Terdapat beberapa jenis sistem dinding yang digunakan dalam pembinaan di antaranya adalah sistem dinding batu-bata. Nyatakan spesifikasi piawai bagi bahan yang biasa digunakan untuk pembinaan sistem dinding batu-bata berikut:
- i) Batu-bata biasa
 - ii) batu-bata beban ringan

(8 markah)

SOALAN 6

Bagi kerja-kerja lanskap, terdapat kerja-kerja penanaman pokok dan rumput. Tuliskan spesifikasi untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:

- a) Penanaman rumput
- b) Penanaman pokok
- c) Penyediaan tapak
- d) Pengawalan dan pengalihan pokok sedia ada

(20 markah)

SOALAN 7

- a) Huraikan perkara berikut berdasarkan spesifikasi piawai JKR:
- i) Lepa Granolitik
 - ii) Lepa Biasa
- b) Terangkan dengan jelas Spesifikasi Piawai JKR bagi penyediaan permukaan untuk kerja lepaan.

(10 markah)

(10 markah)

SOALAN 8

- a) Senaraikan **sepuluh (10)** perkara utama yang terkandung dalam Spesifikasi Piawai untuk kerja-kerja Binaan Bangunan yang dikeluarkan oleh JKR.

(10 markah)


- b) Merujuk kepada Kehendak-kehendak Permulaan Dan Syarat-syarat Am Spesifikasi Piawai, terangkan arahan kepada kontraktor yang dinyatakan untuk setiap satunya.

- i) *Shopdrawings, Samples and Mock-up*
- ii) *Lukisan Terbina (As-built Drawings)*

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Namakan komponen-komponen yang bertanda **A hingga J** pada **gambar rajah** kerangka bumbung di bawah.



(10 markah)

- b) Terangkan dengan jelas Spesifikasi Piawai JKR bagi jenis kemas bumbung berikut:

- i) *Bumbung Dek Logam*
- ii) *Genting Tanah Liat*

(10 markah)

SOALAN 10

- a) Merujuk kepada kerja pemasangan jenis kemasan bumbung, pematuhan kepada spesifikasi yang telah ditetapkan akan menjamin kualiti dan kekuatan sesebuah bumbung tersebut. Pilih **dua (2)** daripada jenis-jenis kemasan bumbung di bawah ini dan lukiskan Spesifikasi Piawai JKR bagi kedua-duanya.

- i) Genting konkrit saling mengirat
- ii) Genting tanah liat
- iii) Bumbung dek logam
- iv) Kepingan bumbung bergelugur aluminium

(10 markah)

- b) Tuliskan Spesifikasi Piawai JKR bagi penebat-penebat bumbung berikut:

- i) Penebat gegeber kaca gentian
- ii) Penebat *Rockwool*

(10 markah)
